

06 SEP 2003

TNB-Siasatan

LAPORAN BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS DIJANGKA SIAP DUA MINGGU LAGI

KOTA BAHARU, 6 Sept (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjangkakan dapat menyiapkan laporan lengkap dalam tempoh dua minggu lagi mengenai punca terputusnya bekalan elektrik di Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis selama kira-kira empat jam pada Isnin lepas.

Pengerusi TNB, Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata penyiasatan bagi mengenal pasti punca-punca kejadian itu sedang dilakukan oleh pihak pengurusan TNB, audit dalaman dan sebuah pasukan penyiasat khas.

"Kita masih belum mendapat sebab-sebab yang sah, sebelum ini agak-agak, mungkin itu, mungkin ini, kita tak boleh buat laporan secara andaian, kita mahu yang sesahih mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Menjana Usahawan Cemerlang di sini, hari ini.

Awang Adek diminta mengulas hasil siasatan TNB terhadap punca terputusnya bekalan elektrik di lima negeri itu sejak pukul 9.58 pagi dan dipulihkan sepenuhnya empat jam kemudian.

Kejadian dikatakan berpunca daripada talian penghantaran elektrik di antara Bukit Beruntung, Selangor dan Batu Gajah, Perak terpelantik ketika TNB melakukan kerja-kerja penyelenggaraan.

Awang Adek berkata laporan lengkap itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie.

"Nanti kita akan tentukan siapa yang akan membuat pengumuman (hasil siasatan itu), kita akan beri tahu sebabnya kerana tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, kita cari apa punca-punca sebenar dan ambil tindakan sewajarnya supaya masalah ini tidak berulang," katanya.

Beliau berkata pada permulaannya, TNB menjangkakan proses mengesan punca kejadian itu tidak memakan masa yang panjang tetapi setelah mesyuarat antara pihak pengurusan dan lembaga pengarah TNB dilakukan pada Khamis lepas, satu keputusan dibuat supaya punca-punca yang dikenal pasti sebelum ini perlu diteliti lebih lagi.

Namun begitu beberapa langkah awal telah diambil bagi memastikan kejadian itu tidak berulang termasuklah ketika setiap penyelenggaraan dilakukan arus elektrik pada talian penghantaran masih mengalir dan janakuasa tidak akan ditutup ketika penyelenggaraan, katanya.

Mengenai peluang-peluang keusahawanan dalam TNB, Awang Adek berkata satu bahagian telah diwujudkan untuk mengendalikan Program Pembangunan Usahawan kepada usahawan bumiputera.

Katanya usahawan yang terbabit dibentuk supaya berdaya saing bagi merebut peluang-peluang termasuk di negara-negara luar.

Awang Adek yang juga Bendahari Umno Kelantan dan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, berkata usahawan muda perlu melengkapkan diri dengan ciri-ciri keusahawanan yang kental bagi menghadapi cabaran yang semakin hebat untuk merebut peluang-peluang yang disediakan oleh sektor swasta.

Katanya mereka tidak lagi boleh mengharapkan bantuan daripada kerajaan dalam era globalisasi ini.

Seminar Menjana Usahawan Cemerlang itu dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia dan TNB dihadiri kira-kira 300 peserta dari seluruh negara.

-- BERNAMA

BD ROS